

05/08/1999

Keputusan rombak Exco Wanita dibatal

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, bersetuju menarik balik keputusan rombakan Exco pergerakan itu untuk merapatkan barisan bagi menghadapi pilihan raya selepas mendapat nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Siti Zaharah mengesahkan persetujuannya itu malam ini kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Bagaimanapun beliau tidak hadir mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) itu kerana sakit.

Serentak itu, beliau yang juga Presiden Umno berkata, semua barisan Exco lama, termasuk dua ketua wanita negeri kekal dan tidak ada sebarang rombakan sehingga selepas pilihan raya.

"Saya berjumpa dia (Siti Zaharah) petang semalam bersama (Setiausaha Agung Umno) Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan beliau bersetuju supaya pelantikan baru dan pengguguran dibatalkan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, di sini malam tadi.

Kelmarin, Siti Zaharah mengumumkan rombakan itu, termasuk pelantikan ketua Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan dalam usaha memperkukuhkan lagi jentera pergerakan berkenaan bagi menghadapi pilihan raya umum.

Dalam rombakan itu, Senator Che Jam Harun dilantik sebagai Ketua Wanita Pulau Pinang menggantikan Sharifah Aminah Syed Mohamed, manakala Mariany Mohamed Yit mengetuai Wanita Umno Wilayah Persekutuan menggantikan Azizah Abdul Samad.

Siti Zaharah juga mengumumkan pelantikan Rokiah Bee Hassan sebagai Naib Ketua Wanita Umno Pulau Pinang dan pelantikan Surinam Sadikun sebagai Naib Ketua Wanita Umno Sabah menggantikan Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafaie.

Beliau turut mengumumkan pelantikan pengerusi bagi sembilan biro. Semua pelantikan itu sepatutnya berkuatkuasa mulai mesyuarat Pergerakan Wanita akan datang kira-kira dua minggu dari tarikh pengumuman kelmarin.

Perdana Menteri berkata, anggota MT membangkitkan isu rombakan itu pada mesyuarat MT dan beliau menjelaskan bahawa Siti Zaharah bersetuju menarik balik rombakan berkenaan dalam pertemuan mereka semalam.

"Datuk Seri Abdullah telah menelefon dan dia (Siti Zaharah) menyatakan bahawa dia tetap dengan keputusan iaitu menerima nasihat yang diberikan kepadanya," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan wanita, Dr Mahathir berkata, selepas pengumuman berkenaan didapati ada pergolakan sedikit dalam pergerakan itu.

"Saya adakan perbincangan dengan Ketua Wanita dan setelah perbincangan itu diadakan dia bersetuju bahawa tidakan itu tidak akan merapatkan barisan, sebaliknya mungkin merenggangkan barisan," katanya.

Dr Mahathir berkata, MT ada hak untuk bincang segala-galanya tetapi dalam perkara ini Ketua Wanita sudah pun menarik sebelum ahli MT menyuarkan pandangan mereka.

Sementara itu, Perdana Menteri berpuas hati dengan sambutan dan peluang memberi nasihat mengenai persiapan pilihan raya kepada rakyat dalam beberapa siri lawatan ke negeri.

Ditanya bila pilihan raya akan diadakan, Dr Mahathir secara berseloroh berkata

"Kita minta semua bersedia untuk bergerak bila-bila masa, saya petik saja."

Dr Mahathir berkata, MT meluluskan penubuhan 48 cawangan baru iaitu 14

di Kelantan, Selangor (23), Johor (tujuh) dan masing-masing dua di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan serta penubuhan Kelab Umno di Australia Barat.
(END)